



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN KEPEMIMPINAN PENGAJARAN PENGETUA DAN
KEPEMIMPINAN GURU DENGAN PRESTASI AKADEMIK SEKOLAH
MENENGAH DI JOHOR***

NORASHIKIN BINTI ABU BAKAR

FPP 2016 50



**HUBUNGAN KEPEMIMPINAN PENGAJARAN PENGETUA DAN
KEPEMIMPINAN GURU DENGAN PRESTASI AKADEMIK SEKOLAH
MENENGAH DI JOHOR**

Oleh

NORASHIKIN BINTI ABU BAKAR

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Ogos 2016

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putera Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putera Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putera Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putera Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN KEPEMIMPINAN PENGAJARAN PENGETUA DAN
KEPEMIMPINAN GURU DENGAN PRESTASI AKADEMIK SEKOLAH
MENENGAH DI JOHOR, MALAYSIA**

Oleh

NORASHIKIN BINTI ABU BAKAR

Ogos 2016

Pengerusi : Pensyarah Kanan Ramli Bin Basri, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah meletakkan prestasi akademik pelajar sebagai agenda reformasi pendidikan yang berkualiti. Cabaran untuk meningkatkan prestasi akademik di sekolah secara berterusan memerlukan keupayaan kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru dalam organisasi sekolah kerana kepemimpinan adalah faktor yang penting dalam menentukan kejayaan sekolah yang mempunyai prestasi akademik sekolah yang tinggi. Kajian ini bertujuan menentukan tahap amalan kepemimpinan pengajaran pengetua dan amalan kepemimpinan guru di sekolah sekaligus mengenal pasti hubungan kedua-dua amalan kepemimpinan dengan prestasi akademik sekolah menengah di Johor. Instrumen yang digunakan untuk mengukur amalan kepemimpinan pengajaran pengetua di sekolah adalah *PIMRS* Versi Guru oleh Hallinger dan Murphy (1985; 2013). Manakala bagi mengukur amalan kepemimpinan guru, instrumen yang digunakan adalah Penilaian Kendiri Kepemimpinan Guru (TLSA) yang dibina oleh Katzenmeyer dan Katenmeyer (2004).

Kajian ini melibatkan seramai 387 orang guru di 40 buah sekolah menengah harian di negeri Johor. Teknik persampelan yang dipilih adalah teknik persampelan rawak mudah. Kajian mendedahkan bahawa pengetua dan guru di negeri Johor telah melaksanakan semua amalan kepemimpinan pengajaran pengetua (min = 4.21 dan sp = 0.58) dan amalan kepemimpinan guru (min = 4.28, SP = 0.43) pada tahap yang tinggi. Seterusnya, amalan kepemimpinan pengajaran pengetua dengan prestasi akademik sekolah menunjukkan hubungan positif signifikan pada tahap lemah dengan nilai $r = 0.245$ dan sig = 0.000 ($p < 0.05$). Sementara itu, terdapat hubungan positif signifikan pada tahap lemah kepemimpinan guru dengan prestasi akademik sekolah dengan nilai $r = 0.173$ dan sig = 0.000 ($p < 0.05$).

Kajian ini konsisten dengan kajian lepas di mana kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru mempunyai hubungan yang signifikan positif dengan prestasi akademik sekolah. Namun, kekuatan hubungan antara kedua-dua kepimpinan tersebut dengan pencapaian akademik sekolah berada pada tahap yang lemah. Ini berkemungkinan terdapat pemboleh ubah atau faktor yang lain sama ada langsung atau tidak langsung dalam meningkatkan prestasi akademik sekolah dan disarankan faktor tersebut dikenal pasti dan dijadikan agenda untuk kajian yang akan datang. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak KPM, JPN mahupun PPD merancang dan menyediakan kursus perkembangan profesionalisma untuk pengetua dan juga guru di sekolah bagi meningkatkan prestasi akademik sekolah.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Science

**THE RELATIONSHIP OF PRINCIPAL INSTRUCTIONAL LEADERSHIP
AND TEACHER LEADERSHIP WITH SCHOOL'S ACADEMIC
PERFORMANCE FOR SECONDARY SCHOOLS IN JOHOR, MALAYSIA**

By

NORASHIKIN BINTI ABU BAKAR

August 2016

Chairman : Associate Professor Ramli Bin Basri, PhD
Faculty : Educational Studies

The Malaysian Education Developmental Plan 2013-2025 has placed the academic achievements of students as an agenda of quality education reformation. Therefore, the challenge to upgrade the ongoing school's academic performance needs efforts from the principal instructional leadership and teacher leadership in school organisation. This is because leadership is an important factor in determining the success of school having high performance of student achievements. This study aims to determine the level and relationship of principal instructional leadership practices and teacher leadership practices. This study is a descriptive correlational study using a survey methodology through quantitative approach. The instrument used in collecting data for the practices of instructional leadership is the Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS) Teacher Short Form by Hallinger and Murphy (1985; 2013). In measuring the practices of teacher leadership, the instrument used is the Teacher Leadership Self-Assessment (TLSA) which is constructed by Katzenmeyer and Katzenmeyer (2004).

The study involved 387 secondary day school teachers in 40 secondary day schools in Johor. The technique used to select samples was simple random sampling. Overall, the findings of the study showed that the principals had carried out all the principal instructional leadership practices at high level (min =4.21, sp =0.58). The practice of teacher leadership on the whole at day secondary schools can be concluded as at high level (min = 4.28, sp = 0.43). The study of principal instructional leadership practices and teacher leadership practices in relation to school's performance achievement showed a positive significant relationship at a low level with the value $r = 0.245$ and $\text{sig} = 0.000$ ($p < 0.005$). Meanwhile, there is a positive significant relationship at low level between the teacher leadership and the school's academic performance with the value $r = 0.173$ and $\text{sig} = 0.000$ ($p < 0.05$).

The findings are consistent with past research where it is confirmed that there are positive significant relationships for the instructional leadership and teacher leadership with school academic performance. However, the relationship between the two variables with the school's academic performance are weak. This implied that there might be other factors or variables which can enhance the school's academic performance and these factors might be determined and become the agenda in the future studies. On top of that, it is hoped that these findings could help the education and policy makers would able to plan and provide courses and workshops to teachers in order to elevate the quality of teachers and school's academic performance.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Puji dan syukur dipanjatkan kehadiran Allah SWT, pemilik sekalian alam, yang telah memberikan keyakinan, kekuatan dan kesabaran dalam menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Ucapan terimakasih yang tidak terhingga khususnya buat penyelia utama Dr. Ramli Basir atas segala teguran, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan selama kajian ini dijalankan. Segala ilmu yang dicurahkan dan kesungguhan yang diberikan tidak akan disia-siakan dan dilupakan. Sekalung penghargaan diucapkan juga kepada penyelia bersama iaitu Dr Foo Say Fooi di atas segala nasihat, pandangan dan cadangan penambahbaikan yang membina demi kejayaan kajian ini. Tidak juga dilupakan jutaan terimakasih buat pensyarah FPP iaitu Prof. Dr. Maimunah Ismal, Dr. Shaffe Daud, Dr Suhaida Abdul Kadir, Dr Aminuddin Hassan dan Dr. Soaib Asmiran atas tunjuk ajar dan pandangan yang bermakna dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan terimakasih juga ditujukan kepada Dr Hut Kemri dan Dr Azlin Norhaini Mansor dari UKM dan Dr. Premavathy A/P Ponnusamy dari IAB Cawangan Utara. Turut dihargai semua pegawai KPM, JPN Johor dan PPD daerah Kluang serta pengetua-pengetua dan guru-guru sekolah menengah harian negeri Johor yang telah memberikan kerjasama sepanjang kajian dilakukan. Penghargaan dan ucapan terimakasih juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia di atas kepercayaan dan peluang tajaan yang diberikan. Buat keluarga tersayang, jutaan terima kasih dan penghargaan khas buat suami tercinta, Zulnika bin Ramli, bonda tersayang, Hajah Yah binti Mahmud, anak yang dikasihi Nur Khaleesa serta ahli keluarga JKM 74 dan keluarga mentua di atas pengorbanan, sokongan serta doa yang tidak pernah putus sepanjang pengajian ini. Tidak dilupakan juga buat teman-teman seperjuangan, terimakasih di atas segala dorongan dan perkongsian ilmu yang dicurahkan selama ini. Akhir kata, hanya Allah SWT yang dapat membalas budi dan jasa baik kalian. Segala pengorbanan dan sokongan serta galakan yang diberikan sentiasa dihargai dan dikenang sepanjang hayat. Semoga kita semua sentiasa mendapat rahmat dan berkat Allah SWT dunia dan akhirat. Amin

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 15 Ogos 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norashikin binti Abu Bakar bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Hubungan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua dan Kepemimpinan Guru dengan Prestasi Akademik Sekolah Menengah di Johor, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Suhaida binti Abdul Kadir, PhD


Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Soaib bin Asimiran, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Azlin Norhaini Mansor, PhD

Pensyarah Kanan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 26 Januari 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putera Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ramli Bin Basri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putera Malaysia
(Pengerusi)

Foo Say Fooi, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putera Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putera Malaysia

Tarikh

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, model pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fakrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dihantar diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Norashikin Binti Abu Bakar, GS34353

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipenuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi : _____
Jawatankuasa : _____
Penyeliaan : Dr. Ramli Bin Basri

Tandatangan : _____
Nama Ahli : _____
Jawatankuasa : _____
Penyeliaan : Dr. Foo Say Fooi

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Batasan Kajian	8
	1.8 Definisi Istilah	8
	1.8.1 Kepemimpinan Pengajaran	8
	1.8.2 Kepemimpinan Guru	9
	1.8.3 Prestasi Akademik Sekolah	9
	1.9 Rumusan	10
2	SOROTAN LITERATUR	11
	2.1 Pengenalan	11
	2.2 Prestasi Akademik Sekolah	11
	2.3 Teori Tingkah Laku	12
	2.4 Konsep Kepemimpinan	14
	2.5 Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	15
	2.6 Model Kepemimpinan Pengajaran	18
	2.7 Dimensi Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	21
	2.7.1 Mendefinisikan Misi Sekolah	22
	2.7.1.1 Merangka Matlamat Sekolah	22
	2.7.1.2 Menyampaikan Matlamat Sekolah	20
	2.7.2 Mengurus Program Pengajaran	23
	2.7.2.1 Penyeliaan dan Penilaian	23
	2.7.2.2 Menyelaras Kurikulum	23
	2.7.2.3 Memantau Kemajuan Murid	23
	2.7.3 Mewujudkan Iklim Sekolah Yang Positif	24
	2.7.3.1 Melindungi Masa Pengajaran	24
	2.7.3.2 Mengekalkan Ketampakan Yang Tinggi	25
	2.7.3.3 Menyediakan Insentif Kepada Guru	25
	2.7.3.4 Mempromosikan Perkembangan Profesional	25
	2.7.3.5 Menyediakan Insentif Pembelajaran Kepada Pelajar	25

2.8	Kepentingan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	26
2.9	Kajian Lepas Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	28
2.10	Kajian Lepas Kepemimpinan Pengajaran Pengetua Dan Prestasi Akademik Sekolah	31
2.11	Kepemimpinan Guru	35
2.12	Peranan Kepemimpinan Guru	38
2.13	Model Kepemimpinan Guru	41
	2.13.1 Model Kepemimpinan Guru REACH oleh Merideth (2000)	41
	2.13.2 Model Kepemimpinan Amalan Guru Riel and Becker (2008)	42
	2.13.3 Model Kepemimpinan Grant (2006)	42
	2.13.4 Model Pembangunan Kepemimpinan Guru (1996)	43
	2.13.4.1 Penilaian Kendiri	44
	2.13.4.2 Mengubah Sekolah	45
	2.13.4.3 Strategi Untuk Mempengaruhi	45
	2.13.4.4 Pelan Tindakan	46
2.14	Dimensi Kepemimpinan Guru	47
	2.14.1 Kesedaran Kendiri dan Membawa Perubahan	48
	2.14.2 Komunikasi	48
	2.14.3 Kepelbagaian	50
	2.14.4 Kemahiran Pengajaran	50
	2.14.5 Penambahbaikan Yang Berterusan	52
	2.14.6 Organisasi Kendiri	53
2.15	Kepentingan Kepemimpinan Guru	53
2.16	Kajian Lepas Tentang Kepemimpinan Guru	56
2.17	Kajian Lepas Kepemimpinan Guru dan Prestasi Akademik Sekolah	59
2.18	Kerangka Kajian	63
2.19	Rumusan	64
3	METODOLOGI KAJIAN	65
3.1	Pengenalan	65
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Lokasi Kajian	65
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	66
	3.4.1 Persampelan Kajian	66
3.5	Instrumen Kajian	68
	3.5.1 Instrumen Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	68
	3.5.2 Instrumen Kepemimpinan Guru	69
	3.5.3 Prestasi Akademik Sekolah	70
3.6	Penterjemahan Instrumen	72
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	72
	3.7.1 Kajian Rintis	73
3.8	Prosedur dan Pengumpulan Data Kajian	74
3.9	Kaedah Penganalisan Data	77
3.10	Rumusan	79
4	DAPATAN KAJIAN	80
4.1	Pengenalan	80
4.2	Profil Demografi Kajian	80
4.3	Tahap Prestasi Akademik Sekolah di Johor	81
4.4	Tahap Amalan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	82

4.4.1	Dimensi Mendefinisikan Misi Sekolah	82
4.4.2	Dimensi Mengurus Program Pengajaran	85
4.4.3	Mewujudkan Iklim Sekolah Yang Positif	87
4.5	Tahap Amalan Kepemimpinan Guru	90
4.5.1	Penilaian Kendiri dan Membuat Perubahan	90
4.5.2	Komunikasi	94
4.5.3	Kepelbagaian	96
4.5.4	Kemahiran Pengajaran	98
4.5.5	Penambahbaikan yang Berterusan	100
4.5.6	Organisasi Kendiri	102
4.6	Hubungan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua dengan Prestasi Akademik Sekolah	104
4.7	Hubungan Kepemimpinan Guru dengan Prestasi Akademik Sekolah	105
4.8	Sumbangan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua terhadap Prestasi Akademik Sekolah	106
4.9	Sumbangan Kepemimpinan Guru terhadap Prestasi Akademik Sekolah	107
4.10	Sumbangan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua dan Kepemimpinan Guru terhadap Prestasi Akademik Sekolah	108
4.11	Perbincangan	109
4.11.1	Tahap Prestasi Akademik Sekolah di Johor	109
4.11.2	Tahap Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	110
4.11.3	Tahap Kepemimpinan Guru	112
4.11.4	Hubungan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua dengan Prestasi Akademik Sekolah	116
4.11.5	Hubungan Kepemimpinan Guru dengan Prestasi Akademik Sekolah	122
4.11.6	Sumbangan Dimensi Kepemimpinan Pengajaran Pengetua Terhadap Prestasi Akademik Sekolah	126
4.11.7	Sumbangan Dimensi Kepemimpinan Guru Terhadap Prestasi Akademik Sekolah	128
4.11.8	Sumbangan Amalan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua dan Kepemimpinan Guru Terhadap Prestasi Akademik Sekolah	128
4.12	Rumusan	130
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	132
5.1	Pengenalan	132
5.2	Rumusan	132
5.3	Implikasi dan Cadangan	135
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	139
5.5	Kesimpulan	141
	BIBLIOGRAFI	142
	LAMPIRAN	164
	BIODATA PELAJAR	186
	SENARAI PENERBITAN	187

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Peratus Pencapaian Pelajar Dalam Peperiksaan Awam Dari Tahun 2010 – 2012	5
2.1	Model Kepimpinan Pengajaran	20
2.2	Model Kepimpinan Pengajaran Hallinger dan Murphy (1985)	21
3.1	Skala Likert-type 5 mata	68
3.2	Taburan Item Fungsi-fungsi Kepimpinan Pengajaran Pengetua	69
3.3	Taburan Item Dimensi Kepimpinan Guru	70
3.4	Kategori Pencapaian Prestasi Akademik Sekolah Berdasarkan GPS	70
3.5	Kebolehpercayaan Item Dalam Soal Selidik Kajian Rintis	73
3.6	Kebolehpercayaan Item Instrumen PIMRS: Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	74
3.7	Kebolehpercayaan Item Instrumen TLSA: Kepemimpinan Guru	74
3.8	Taburan Edaran Bilangan Sampel dan Pemulangan Borang Soal Selidik	76
3.9	Interpretasi Skor Min	77
3.10	Kekuatan Hubungan Mengikut Nilai Korelasi	78
3.11	Jadul Ringkas Kaedah Analisis Data	79
4.1	Profil Gemografi Kajian	81
4.2	Tahap Prestasi Akademik Sekolah di Johor	81
4.3	Taburan Prestasi Akademik Berdasarkan Kategori GPS SPM	82
4.4	Tahap Kepemimpinan Pengajaran Pengetua	82

4.5	Kepimpinan Pengajaran Pengetua: Dimensi Mendefinisikan Misi Sekolah	84
4.6	Kepimpinan Pengajaran Pengetua: Dimensi Mengurus Program Pengajaran	86
4.7	Kepimpinan Pengajaran Pengetua: Dimensi Mewujudkan Iklim Sekolah Yang Positif	88
4.8	Tahap Kepemimpinan Guru	90
4.9	Kepimpinan Guru Dimensi: Penilaian Kendiri Dan Membawa Perubahan	92
4.10	Kepimpinan Guru: Dimensi Komunikasi	95
4.11	Kepimpinan Guru: Dimensi Kepelbagaian	97
4.12	Kepimpinan Guru Dimensi: Kemahiran Pengajaran	99
4.13	Kepimpinan Guru Dimensi: Penambahbaikan Yang Berterusan	101
4.14	Kepimpinan Guru Dimensi: Organisasi Kendiri	103
4.15	Korelasi Pearson Hubungan Antara Kepimpinan Pengajaran Pengetua Dengan Prestasi akademik sekolah	104
4.16	Korelasi Pearson Hubungan Antara Kepimpinan Guru Dengan Prestasi Akademik Sekolah	106
4.17	Regresi Berganda Sumbangan Mendefinisikan Misi Sekolah Terhadap Prestasi Akademik Sekolah	106
4.18	Regresi Berganda Sumbangan Dimensi Komunikasi Terhadap Prestasi Akademik Sekolah	108
4.19	Regresi Berganda Sumbangan Kepemimpinan Pengajaran Pengetua dan Kepemimpinan Guru Terhadap Prestasi Akademik Sekolah	109

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Model Kepimpinan Guru REACH	41
2.2	Model Kepimpinan Amalan Guru Riel dan Becker	42
2.3	Model Kepimpinan Guru Grant	43
2.4	Model Pembangunan Kepimpinan Guru	44
2.5	Kerangka Konsep Kajian	63

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Halaman
A	Borang Soal Selidik Kajian	164
B	Senarai Panel Penilai Instrumen Kajian	173
C	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian	174
D	Kebenaran Menggunakan Instrumen Kajian	178
E	Laporan Jadual Analisis Regresi Berganda	180

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
GPS	Gred Purata Sekolah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPPSM	Program Pembangunan Prestasi Sekolah Menengah
PIMRS	Principal Instructional and Management Rating Scale
TLSA	Teacher Leadership Self Assessment
NPQEL	National Professional Qualification for Educational Leaders
PISA	Programme for International Student Assessment
TIMSS	Trends in International Mathematics and Science Study
S.P	Sisihan Piawai
r	Korelasi
df	Degrees of freedom
SS	Sum of square

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan beberapa aspek berkaitan kajian yang dijalankan. Aspek-aspek yang dibincangkan merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam menghadapi abad ke 21, sistem pendidikan negara telah menjadi perhatian dan perdebatan dalam kalangan masyarakat Malaysia khususnya ibu bapa dan majikan yang mempersoalkan keupayaan sistem pendidikan negara dalam melahirkan modal insan yang berkebolehan dan berkemahiran (KPM, 2012). Atas dasar itu, prestasi akademik sekolah telah menjadi agenda reformasi pendidikan yang berkualiti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Harapannya agar sistem pendidikan negara dapat mencapai tahap pendidikan yang berkualiti menjelang tahun 2025 sekali gus dapat membantu meningkatkan pembangunan modal insan dan ekonomi negara. Justeru, melalui pelaksanaan PPPM 2013-2025, sasaran dan aspirasi untuk sistem pendidikan berkualiti di Malaysia diharap dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui kerjasama semua pihak terutamanya komitmen warga pendidik di sekolah-sekolah (KPM, 2013). Ini kerana kualiti pendidikan bagi sesebuah negara bergantung sepenuhnya kepada keupayaan dan usaha oleh mereka yang berada di sesebuah organisasi pendidikan (Masters, 2012).

Dalam memperihalkan reformasi pendidikan negara, peranan kepemimpinan pendidikan di sekolah dilihat amat penting bagi mewujudkan pendidikan berkualiti. Salah satu petunjuk utama dalam pendidikan berkualiti adalah kepemimpinan di sekolah. Ini adalah kerana, kepemimpinan adalah faktor yang penting dalam menentukan kejayaan sekolah yang mempunyai prestasi akademik sekolah yang tinggi (Hussein, 2008; Day et al., 2009). Malah menurut Usang, Abdul Jawi dan Kamaruddin (2010), salah satu faktor yang mempunyai kesan terhadap pencapaian akademik sekolah adalah melalui kepemimpinan sekolah. Sememangnya, usaha memajukan pendidikan negara ini bukanlah sesuatu perkara yang baru kerana peranan, tanggungjawab dan misi bagi semua pemimpin pendidikan ini telah tercatat dalam Akta Pendidikan 1996.

Watt (2010) menyatakan bahawa pemimpin yang berkesan adalah individu yang komited menggunakan kebolehannya untuk memimpin orang lain, melaksanakan kemahiran teknikal dan menjelaskan situasi seterusnya membantu untuk pencapaian matlamat. Ini bermakna, pemimpin pendidikan di sekolah perlu berupaya membuat perubahan dari segi amalan kepemimpinannya mengikut keadaan situasi di sekolah dan berupaya menentukan iklim pembelajaran, tahap profesionalisme guru serta tahap

pembelajaran pelajar yang hendak dicapai. Perubahan ini perlu dilakukan kerana cabaran dunia pendidikan pada masa kini amat kompleks. Maka, jalan penyelesaian harus diambil bagi menangani isu pencapaian akademik pelajar yang kurang menyerlah di sekolah-sekolah.

Kajian yang dilakukan oleh Hallinger (2005) mendapati bahawa pengetua dapat memberikan sumbangan terhadap keberkesanan sekolah dan pencapaian pelajar melalui amalan-amalan yang boleh mempengaruhi sekolah dan bilik darjah dan peranan pengetua yang hanya sekadar mentadbir tidak lagi relevan dengan perkembangan pendidikan masa kini. Menurut beliau, kesan yang paling besar kepemimpinan pengetua terhadap pencapaian pelajar apabila pengetua bertindak sebagai pemimpin pengajaran yang memfokuskan kepada tiga dimensi iaitu mendefinisikan matlamat sekolah, mengurus program pengajaran dan mewujudkan iklim sekolah yang positif. Malah keberkesanan amalan kepemimpinan pengajaran diakui kepentingannya apabila ia dinyatakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) bagi membantu pemimpin-pemimpin sekolah melaksanakan amalan kepemimpinan pengajaran dengan lebih berkesan dan berhemah. Dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) (2010), kepemimpinan pengajaran merupakan salah satu aspek yang dilihat dalam kepemimpinan pengetua di sekolah yang berperanan sebagai pemimpin berimpak tinggi dan berupaya memajukan prestasi akademik sekolah.

Menurut kajian Hallinger (2005), pemimpin pengajaran adalah berorientasikan matlamat yang dapat mendefinisikan arah yang jelas melalui misi dan visi sekolah yang mantap serta dapat memotivasikan orang lain untuk mencapai kejayaan yang memberi tumpuan utama terhadap pencapaian pelajar. Justeru, pemimpin pengajaran akan sentiasa menekankan kepada pencapaian matlamat iaitu peningkatan prestasi akademik sekolah kepada semua warga sekolah melalui aktiviti-aktiviti pengurusan seperti menyelaras, mengawal, menyelia dan membangunkan kurikulum serta pengajaran dan pengajaran di sekolah (Noor Rezan, 2008). Melalui penyeliaan misalannya, pengetua dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan seseorang guru dan menyediakan peluang untuk bekerjasama dengan guru lain untuk memperbaiki kemahiran pengajaran dan membelajarkan (Aliég-MielCarek, 2003). Ini adalah kerana, memperbaiki kemahiran pengajaran dapat meningkatkan tahap prestasi akademik sekolah (Glanz, 2006).

Dalam mewujudkan iklim sekolah yang positif, pemimpin pengajaran dapat mewujudkan sekolah yang berkesan melalui pembentukan piawai dan harapan yang tinggi untuk guru dan pelajar serta budaya penambahbaikan yang berterusan di sekolah mereka selain dapat mempengaruhi pembelajaran pelajar (Hallinger, 2005 & 2008; Glanz, 2006). Justeru dalam mengenal pasti hubungan kepemimpinan pengajaran pengetua dengan prestasi akademik pelajar, kajian ini memfokuskan kepada tiga dimensi yang dinyatakan oleh Hallinger (2005).

Selain itu, PPPM 2013-2025 turut menyatakan bahawa kepemimpinan di sekolah akan diperluaskan kepada guru-guru khususnya guru-guru yang memegang jawatan kepemimpinan di sekolah. Ini bermakna, selain pengetua, kepemimpinan sekolah juga dapat disumbangkan oleh guru-guru penolong atau guru-guru biasa (Gunter, 2001). Oleh

yang demikian, usaha penambahbaikan sesebuah sekolah juga memerlukan keupayaan kepemimpinan bukan sahaja dalam kalangan pengetua, tetapi juga kepemimpinan dalam kalangan guru-guru sekolah itu sendiri. Dalam Rancangan Malaysia Ke 10 menyatakan bahawa kualiti guru merupakan penentu utama mengatasi faktor-faktor lain termasuk saiz kelas (m.s.209). Oleh yang demikian, bagi memastikan guru mempunyai kualiti yang tinggi, kepemimpinan guru merupakan satu sumber yang besar dalam memastikan penambahbaikan sekolah secara berterusan (Katzenmeyer & Moller, 2009).

Kepentingan kepemimpinan guru semakin mendapat perhatian di Malaysia. Ini dapat dilihat melalui ucapan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (2010) bahawa untuk melahirkan sekolah cemerlang para guru perlu meningkatkan daya kepemimpinan yang berkualiti dalam mendidik pelajar kerana ia boleh menyerlahkan potensi pelajar sekaligus membentuk pembangunan secara holistik di sekolah. Beliau menegaskan bahawa aspek kepemimpinan tersebut yang membezakan setiap sekolah dan dapat menjayakan rancangan kerajaan.

Para sarjana mendapati kepemimpinan guru dapat mempengaruhi pencapaian pelajar di sekolah (Harris, 2003; Gentilucci & Muto, 2007; Katzenmeyer dan Moller, 2009). Dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar, pengetua tidak lagi dianggap sebagai *'the only leader'* yang membuat keputusan untuk penambahbaikan yang berterusan demi pencapaian pelajar (Greenwood, 2011). Pengetua memerlukan guru dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Katzenmeyer & Moller, 2009; Lambert, 2003). Justeru, keupayaan guru pemimpin sebagai agen perubahan sekolah membolehkan pendidikan awam mempunyai peluang yang lebih baik dalam memastikan setiap pelajar mempunyai guru yang berkualiti tinggi (Katzenmeyer & Moller, 2009; Wehling, 2007).

Namun begitu, kepemimpinan guru tidak hanya terbatas kepada peranan guru sewaktu mengajar di dalam kelas sahaja malah kepemimpinan guru juga melibatkan peranan guru dalam berinteraksi dan berkolaborasi dengan komuniti sekolah yang lain terutamanya pengetua dan guru dalam meningkatkan amalan pendidikan bagi tujuan untuk meningkatkan prestasi akademik sekolah (York & Barr, 2004). Ini selari dengan dasar Kementerian Pendidikan yang berhasrat untuk mewujudkan budaya kecemerlangan profesionalisme keguruan di mana guru dapat membimbing antara satu sama lain dan saling memberi inspirasi, berkongsi amalan terbaik dan memastikan rakan setugas mengamalkan nilai kebertanggungjawaban bersama (PPPM 2013-2025). Maka, kajian ini ingin melihat keupayaan amalan kepemimpinan guru di sekolah yang mempunyai hubungan dengan prestasi akademik sekolah.

Katzenmeyer dan Moller (2009) beranggapan bahawa untuk menjadi pemimpin yang hebat, guru perlu dibentuk dan dikembangkan melalui pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk menghasilkan tahap kualiti guru yang tinggi yang dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Ini adalah kerana menurut mereka, kepemimpinan guru dan pembelajaran guru saling berhubung kait. Atas dasar itu, Katzenmeyer & Moller (2009) telah menyenaraikan tingkah laku dan kemahiran dalam mengukur amalan guru sebagai pemimpin iaitu kesedaran diri dan membawa perubahan,

komunikasi, kepelbagaian, kemahiran pengajaran, penambahbaikan yang berterusan dan organisasi sendiri. Amalan tersebut telah dirangka untuk membantu sistem sekolah dalam usaha untuk membangunkan amalan kepemimpinan guru dalam kalangan guru. Justeru, tumpuan kajian ini adalah mengenai kepemimpinan guru berdasarkan kepada enam amalan kepemimpinan guru yang dinyatakan oleh Katzenmeyer & Moller (2009). Amalan ini dilihat dapat membina keupayaan kepemimpinan guru dalam usaha membantu sekolah khususnya pengetua bagi meningkatkan kecemerlangan sekolah (Harris, 2003; Katzenmeyer dan Moller, 2009). Walaupun guru tidak memandang diri mereka sebagai pemimpin (Katzenmeyer & Moller, 2009), namun hakikatnya mereka merupakan pelaksana dan penggerak kepada setiap program dan aktiviti yang dirancang dan menjadi pemimpin dalam kalangan rakan sekerja mereka.

Kesimpulannya, amalan kepemimpinan pengajaran telah dijadikan asas kepada pemimpin pendidikan di Malaysia (KPM, 2007). Justeru, pengetua harus proaktif dalam memainkan peranan mereka dan melaksanakan strategi bagi meningkatkan kecemerlangan sekolah kerana ia penting dalam mewujudkan sekolah yang berkesan (Sazali, Rusmini, Abang Hut & Zamri, 2007). Selain pengetua, peranan dan fungsi kepemimpinan guru juga penting ke arah meningkatkan prestasi akademik sekolah khususnya melalui proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah (York & Barr, 2004; Davies, 2009; Katzenmeyer & Moller, 2009). Oleh yang demikian, kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru amat penting dalam memastikan kecemerlangan prestasi akademik sekolah di sekolah.

Melihat kepada kepentingan kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru seperti yang dinyatakan di atas, kajian tentang kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru dengan prestasi akademik sekolah ini dapat memberi maklumat tentang tahap amalan kepemimpinan dilaksanakan di sekolah dan sejauh mana ia dapat membantu meningkatkan prestasi akademik sekolah. Diharap dengan adanya penggabungan kedua-dua kepemimpinan ini di sekolah, ia dapat merealisasikan aspirasi dan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk menjadikan pendidikan di Malaysia setaraf di peringkat global.

1.3 Pernyataan Masalah

Pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan memberi gambaran sekaligus sebagai petunjuk kualiti pendidikan di sekolah dan kualiti kepemimpinan sekolah (Ahmad Zabidi & Fathiah, 2006). Sebaliknya, fenomena yang berlaku kini ialah kemerosotan mutu pembelajaran pelajar berdasarkan prestasi akademik sekolah dalam peperiksaan awam sekolah menengah dan isu ini harus dikaji dengan lebih serius (Abdul Jawi, Mohd.Yusof, Usang Ngrambang, 2010). Ini dibuktikan dalam Laporan Perangkaan Pendidikan Malaysia 2015 yang dikeluarkan oleh Sektor Pendidikan Data bagi tahun 2010 – 2014 telah menunjukkan kemerosotan dalam pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Statistik menunjukkan bahawa prestasi akademik sekolah di Malaysia dalam masa lima tahun dari tahun 2010 hingga 2014 iaitu menunjukkan kemerosotan sebanyak 6.37% dari 91.20 % dalam tahun 2010 menurun kepada 84.83% pada tahun 2014. Fenomena

ini menjelaskan bahawa sememangnya permasalahan kemerosotan prestasi akademik berlaku di sekolah-sekolah di Malaysia dan isu ini harus ditangani dengan segera.

Jadual 1.1 : Peratus Pencapaian Pelajar Dalam Peperiksaan SPM Dari Tahun 2010 – 2014

Peperiksaan Awam	Tahun Peperiksaan				
	2010	2011	2012	2013	2014
Bilangan Calon	404,135	406,305	410,140	409,466	394,601
Bilangan Lulus	368,559	370,396	373,250	349,383	334,729
SPM (% Lulus)	91.20	91.16	91.01	85.33	84.83

(Sumber: Malaysia Educational Statistics 2015 Quick Facts, Misportal.moe.gov.my)

Traversi (2007) menyatakan bahawa faktor utama yang membezakan sesebuah organisasi itu berjaya atau sebaliknya adalah faktor kepemimpinan. Pendapat ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Hallinger (2011 & 2005), Sahin (2011), Quah (2011), Millward & Timperley (2009) dan Andy Audryanah (2007) mendapati bahawa pengetua dapat memberikan sumbangan terhadap keberkesanan sekolah dan prestasi akademik sekolah dengan memfokuskan kepada amalan-amalan yang boleh mempengaruhi sekolah dan bilik darjah. Dalam memperihalkan isu ini, kepemimpinan pengajaran pengetua dilihat sebagai satu cara yang boleh meningkatkan pencapaian pelajar (Hallinger, 2005 & 2008; Glanz, 2006). Oleh yang demikian, kajian ini memberi tumpuan kepada dimensi

Selain itu, kepimpinan guru juga semakin mendapat perhatian dalam usaha penambahbaikan dan reformasi sekolah kerana para sarjana mendapati kepemimpinan guru dapat mempengaruhi prestasi akademik sekolah (Harris, 2003; Davies, 2009; Gentilucci & Muto, 2007; Katzenmeyer dan Moller, 2009). Namun, isu kepemimpinan guru dalam konteks Malaysia masih lagi dianggap baru dan kurang mendapat perhatian. Walaupun para sarjana telah menyatakan bahawa kepemimpinan guru dapat mempengaruhi prestasi akademik sekolah, bukti empirikal tentang kesan kepemimpinan guru terhadap prestasi akademik sekolah masih lagi terhad dan mempunyai dapatan yang berbeza-beza (Leithwood & Jantzi, 2000; York-Barr & Duke, 2004; Neumerski, 2012; Sugg, 2013). Malah Robinson (2009) dan Sugg (2013) mendapati bahawa kepimpinan guru memerlukan kajian lanjutan kerana kepimpinan guru merupakan satu cara atau strategi yang mampu meningkatkan pencapaian prestasi sekolah. Amalan kepemimpinan guru yang diberikan penekanan dalam kajian ini adalah terdiri daripada tingkah laku dan kemahiran seorang guru pemimpin yang boleh dikembangkan melalui amalan i) kesedaran diri dan membawa perubahan, ii) komunikasi, iii) kepelbagaian, iv) kemahiran pengajaran, v) penambahbaikan yang berterusan dan vi) organisasi sendiri (Katzenmeyer dan Katzenmeyer (1996). Kajian ini selari dengan dasar Kementerian Pendidikan yang berhasrat untuk mewujudkan budaya kecemerlangan profesionalisme keguruan di mana guru dapat membimbing antara satu sama lain dan saling memberi

inspirasi, berkongsi amalan terbaik dan memastikan rakan setugas mengamalkan nilai kebertanggungjawaban bersama (PPPM 2013-2025).

Kesimpulannya, kajian mendapati amalan kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru merupakan antara pemboleh ubah yang sangat signifikan dalam melahirkan sekolah yang berkesan (Purkey & Smith's, 1983). Memandangkan amalan kepemimpinan pengajaran dan kepemimpinan guru amat signifikan kepada prestasi akademik sekolah, maka adalah menjadi satu keperluan untuk melihat hubungan secara langsung kedua-dua pemboleh ubah ini dengan prestasi akademik sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru. Secara khususnya, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kepemimpinan pengajaran pengetua dan tahap amalan kepemimpinan guru hubungannya dengan prestasi akademik sekolah.

1. Menentukan tahap prestasi akademik sekolah menengah di Johor.
2. Menentukan tahap amalan kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru di sekolah menengah di Johor.
3. Menentukan hubungan antara amalan kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru dengan prestasi akademik sekolah.
4. Menentukan sumbangan dimensi amalan kepemimpinan pengajaran pengetua dan dimensi kepemimpinan guru terhadap prestasi akademik sekolah.
5. Menentukan sumbangan amalan kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru terhadap prestasi akademik sekolah.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan adalah bagi menjawab persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah tahap prestasi akademik sekolah di sekolah menengah di Johor?
2. Apakah tahap kepemimpinan pengajaran pengetua di sekolah menengah di Johor?
3. Apakah tahap kepemimpinan guru di sekolah menengah di Johor?
4. Adakah terdapat hubungan kepemimpinan pengajaran pengetua dengan prestasi akademik sekolah?
5. Adakah terdapat hubungan kepemimpinan guru dengan prestasi akademik sekolah?
6. Apakah sumbangan dimensi amalan kepemimpinan pengajaran pengetua terhadap prestasi akademik sekolah?
7. Apakah sumbangan dimensi amalan kepemimpinan guru terhadap prestasi akademik sekolah?
8. Apakah sumbangan amalan kepemimpinan pengajaran pengetua dan kepemimpinan guru terhadap prestasi akademik sekolah?

1.6 Kepentingan Kajian

Keberkesanan amalan kepemimpinan pengajaran diakui kepentingannya apabila ia dinyatakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) dan merupakan salah satu aspek kepimpinan yang diambil kira dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Oleh yang demikian, kajian ini wajar dijalankan memandangkan ia merupakan satu usaha untuk menyakinkan warga pendidik dan masyarakat bahawa amalan kepemimpinan pengajaran pengetua dapat memberikan impak yang besar terhadap organisasi sekolah yang memberikan faedah kepada sekolah dan komuniti.

Memandangkan isu kepemimpinan guru semakin diperkatakan, kajian ini diharap dapat memberi maklumat dan pengetahuan kepada KPM, JPN, PPD, pengetua dan guru-guru tentang kepemimpinan guru di sekolah-sekolah yang merupakan satu lagi dimensi kepemimpinan yang dapat membantu sekolah meningkatkan prestasi akademik sekolah sekaligus melonjakkan prestasi akademik sekolah. Justeru, sektor pendidikan perlu memainkan peranan yang aktif dalam mempromosi, menjadi model, dan memberi sumbangan yang membina dalam menjana kepemimpinan guru di sekolah (Cooke, 2001).

Diharap kajian ini dapat mempromosi peranan kepemimpinan guru yang boleh membawa kepada perubahan di sekolah melalui kepakaran yang mereka ada, menggalakkan pemimpin sekolah dan daerah dalam usaha melibatkan guru-guru terhadap perkongsian tanggungjawab kepemimpinan terutama dalam kurikulum, penilaian dan pengajaran disamping dapat mempengaruhi dasar pendidikan yang sedia ada demi kepentingan pendidikan negara yang cemerlang. Secara tidak langsung, langkah ini menyokong agenda reformasi pendidikan di Malaysia untuk membangunkan dan mengukuhkan kualiti guru (RMK 10, 2010) dan merealisasikan aspirasi PPPM 2013-2025 mentransformasikan profesion keguruan serta mewujudkan budaya kecemerlangan profesionalisme guru di sekolah.

Dengan adanya maklumat tentang kepemimpinan guru di sekolah, kursus perkembangan profesional untuk pemimpin guru juga boleh dirancang dan dianjurkan oleh pihak atasan terutamanya JPN dan PPD bagi mempromosi, melatih dan membimbing guru-guru menjadi pemimpin di sekolah dalam usaha meningkatkan kualiti profesional guru dan prestasi sekolah. Selari dengan tujuan ini, selain merangka program dan bengkel, usaha menyediakan insentif kepada pemimpin-pemimpin guru yang telah menunjukkan kecemerlangan perlu difikirkan sebagai menghargai usaha mereka.

Bagi penggubal dan pembuat dasar, diharap kajian ini dapat memberi pengetahuan dan informasi tentang dimensi kepemimpinan pengajaran yang perlu diberi perhatian dalam usaha menyediakan tenaga profesional pengetua dan pelapis muda pemimpin sekolah dalam kalangan guru yang dapat menolong meningkatkan prestasi akademik sekolah serta keberkesanan dan kecemerlangan pendidikan negara.

Kajian ini juga diharap dapat menambahkan bahan ilmiah dalam bidang pendidikan khususnya dalam bidang kepemimpinan pengajaran dan kepemimpinan guru serta dapat dimanfaatkan oleh pengkaji-pengkaji lain untuk diperluaskan skop kajian dari perspektif yang lain. Kajian ini juga boleh menambahkan pengetahuan sedia ada tentang sesuatu masalah dan maklumat baru yang diperolehi hasil penyelidikan untuk dijadikan asas kepada cadangan penambahbaikan (Noraini, 2010).

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada pengetua dan guru di sekolah menengah harian sahaja dan tidak melibatkan sekolah berasrama penuh, sekolah menengah agama, sekolah menengah teknik, sekolah menengah vokasional, sekolah menengah pendidikan khas dan sekolah seni berdasarkan perbezaan keadaan budaya, iklim, corak kepemimpinan dan faktor lain di antara sekolah-sekolah tersebut (Foo Say Fooi & Teng Lung Kiu, 2002).

Responden kajian ini melibatkan guru sahaja dan tidak membabitkan pengetua dan staf sokongan. Responden adalah mereka yang telah disahkan jawatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu tahun di bawah pengetua sekolah berkenaan. Dapatan kajian ini bergantung sepenuhnya kepada keikhlasan dan kejujuran responden menjawab setiap item dalam soal selidik yang diberikan. Selain itu, pembolehubah bersandar dalam kajian ini iaitu prestasi akademik sekolah, yang diukur melalui data keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2011-2012 yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Menurut Alig-Mielcarek (2003), penggunaan data yang diambil melalui penilaian prestasi akademik sekolah bertujuan untuk konsistensi pengukuran dan pentadbiran.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Kepemimpinan Pengajaran

Kepimpinan pengajaran adalah satu konsep yang menumpukan kepada peranan pengetua dalam menyelaras, mengawal, menyelia dan membangunkan kurikulum dan pengajaran di sekolah yang berorientasikan matlamat dan memfokuskan kepada pencapaian pelajar (Hallinger & Murphy, 1985; Hallinger, 2003). Maka kepemimpinan pengajaran dalam kajian ini merujuk kepada segala tindakan, aktiviti atau amalan yang dilaksanakan oleh pengetua bagi memantapkan amalan pengajaran dan pembelajaran guru dan pencapaian akademik murid dalam meningkatkan prestasi sekolah.

